

**Kuala Lumpur:** Kejayaan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dalam menjana keuntungan kepada pelaburnya wajar dicontohi oleh agensi yang berada di bawah Kementerian Pertahanan dan syarikat berkaitan pertahanan di negara ini.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn berkata dasar LTAT yang jelas dan strategik adalah rujukan terbaik bagi memastikan industri pertahanan tempatan setanding dengan industri pertahanan luar negara.

“Saya berharap agar LTAT terus menggembleng tenaga untuk meningkatkan pendapatan melalui sektor yang terdapat dalam industri ini, sekali gus menjadi penanda aras dan pemangkin kepada segala pihak terbahagi,” katanya selepas majlis penyerahan Bas Berkonfigurasi Khusus oleh LTAT kepada Angkatan Ten-

**FAKTA**  
Bas bernilai  
kira-kira  
RM400,000 dan  
boleh membawa 25  
penumpang

# Contohi LTAT jana keuntungan pelaburan



**HISHAMMUDDIN** mencuba lif unik automatik untuk penumpang orang kelainan upaya (OKU) pada Majlis Penyerahan Kunci Bas Berkonfigurasi Khusus kepada Angkatan Tentera di Kuala Lumpur, semalam.

tera, di sini baru-baru ini.

Sebelum upacara itu, Hishammuddin diberi tak-

limat mengenai program LTAT khususnya berkaitan prospek pelaburan dan inisiatif membantu syarikat

yang dilaksanakan di bawah aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR).

“Sesi ini memberi gam-

baran jelas tentang teras utama LTAT dalam usaha menambah nilai dan membantu pihak berkepentingan terutama anggota angkatan tentera,” katanya.

Bas terbabit adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia dan dilengkapi lif unik automatik yang tidak memerlukan penumpang kurang upaya turun daripada kerusi roda apabila turun dan naik dari kenderaan itu.

Ia bernilai kira-kira RM400,000 dan boleh membawa 25 penumpang dengan ruang tambahan untuk kerusi roda dan turut memiliki pendingin udara dan kemudahan audio visual untuk penumpang.

LTAT mencatatkan rekod pencapaian paling tinggi sejak 40 tahun bagi tahun kewangan berakhir Disember tahun lalu di mana ia membolehkan ahli layak menerima dividen dan bonus berjumlah 16 peratus.